



1. Sila semak Draf RSNS 2045 dan sekiranya terdapat sebarang maklum balas, cadangan pembaikan, bantahan dan pandangan ke atas kandungan laporan, sila kemukakan maklum balas menggunakan Borang Bantahan Awam yang disediakan di semua tempat pemeriksaan atau dimuat turun di [www.townplan.gov.my](http://www.townplan.gov.my), <http://jpbd.ns.gov.my> dan [www.ns.gov.my](http://www.ns.gov.my).
2. Borang yang telah lengkap diisi perlulah dihantar secara pos atau serahan tangan ke alamat berikut:


**PENGARAH  
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SEMBILAN  
TINGKAT 3, BLOK A, WISMA NEGERI, 70646 SEREMBAN**

3. Tarikh tutup penyerahan borang adalah sebelum atau pada 7 Oktober 2016.
4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai berikut:

En. Nor Mazlan bin Mohd Yunus	(06-7659702)
Pn. Siti Noraidah bt Idris	(06-765 9066)
En. Tajuddin bin Abdullah	(06-7659710)



## PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM DRAF RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SEMBILAN 2045



Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan Negeri Sembilan dalam proses penyediaan Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045 yang kini di peringkat Draf RSNS 2045. Program Publisiti dan Penyertaan Awam merupakan satu kaedah hebahan selaras dengan peruntukan Seksyen 9, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Program ini akan diadakan seperti maklumat berikut:

<b>TARIKH:</b> 15 Ogos 2016 - 7 Oktober 2016	<b>MASA:</b> 8.30 Pagi - 4.30 Petang	<b>TEMPAT:</b> Lobi Informasi Wisma Negeri, JPBD Negeri Sembilan, Semua Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah dan Tanah
-------------------------------------------------	-----------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

**ANDA SEMUA DIJEMPUT HADIR**

Rancangan Struktur (RS) adalah satu pernyataan bertulis yang menerangkan dasar dan cadangan am Pihak Berkuasa Negeri (PBN) berkenaan pemajuan dan penggunaan tanah sesebuah negeri. Ini termasuklah memperelokkan perhubungan, menguruskan lalu lintas, mempertingkatkan kesejahteraan sosioekonomi, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan memudahkan pemajuan mampan disediakan.



Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045 ini merupakan kajian semula Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2001-2020 yang disediakan berdasarkan kepada:

- Keperluan peruntukan Seksyen 11, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).
- Terdapat perubahan corak guna tanah dan perancangan fizikal yang perlu diselaraskan dengan dasar dan strategi terkini.
- Menyelaraskan dokumen Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045 agar selari dengan dasar, pelan induk pembangunan, garis panduan dan piawaian perancangan terkini.
- Merancang secara mampan berdasarkan potensi sebenar mengikut daerah agar sesuai dengan perubahan guna tanah dan tren pembangunan semasa.
- Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat Negeri Sembilan melalui peluang pekerjaan, kemudahan dan infrastruktur.
- Sebagai panduan perancangan 30 tahun Negeri Sembilan bagi memandu hala tuju pembangunan di peringkat negeri dan daerah.

# AGENDA

## MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM DRAF RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SEMBILAN 2045 (RSNS 2045)

Tarikh : 15 Ogos 2016 (Isnin)  
Masa : 2.30 Petang  
Tempat : Dewan Besar, Majlis Perbandaran Seremban

- 2.30 petang : Ketibaan Jemputan
- 3.00 petang : Ketibaan Y.A.B Dato' Seri Utama Hj. Mohamad bin Hj. Hasan  
Menteri Besar Negeri Sembilan
- 3.05 petang : Nyanyian lagu "NEGARAKU" dan Bacaan Doa
- 3.15 petang : Ucapan Alu-aluan  
Oleh :Tn. Hasnan Iberahim  
Pengarah Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa  
Negeri Sembilan
- 3.25 petang : Ucapan Perasmian  
Oleh : Y.A.B Dato' Seri Utama Hj. Mohamad bin Hj. Hasan  
Menteri Besar Negeri Sembilan
- : Pelancaran Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf RSNS 2045
- : Penyampaian Draf RSNS 2045 kepada YB. Setiausaha Kerajaan  
Negeri Sembilan
- : Penyampaian Cenderahati
- : Lawatan ke ruang pameran
- : Sidang akhbar / minum petang
- : Bersurai